

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 1999/2000

April 2000

CMM102 – Kenalfaham Komputer

Masa: 1 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM PULUH** soalan di dalam **DUA BELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
 - Jawab **SEMUA** soalan pada borang OMR.
 - Anda **TIDAK** dibenarkan membawa keluar kertas soalan ini dari bilik peperiksaan. Selepas tamat peperiksaan, kertas soalan ini akan dipungut bersama-sama dengan borang OMR.
-

BAHAGIAN A

1. Sistem Maklumat dapat memberikan kesan positif terhadap cara bekerja seperti berikut:
 - I. membolehkan keputusan dibuat dengan cepat
 - II. automasi pejabat memudahkan kerja-kerja rutin
 - III. mewujudkan interaksi antara pekerja dengan lebih baik dengan memberikan kemudahan komunikasi yang lebih berkesan
 - IV. mengurangkan tekanan beban kerja fizikal

(A) II sahaja
(B) I dan IV
(C) II, III dan IV
(D) Semua jawapan di atas
(E) Tiada jawapan yang diberi

2. Yang manakah antara yang berikut BUKAN merupakan peranti input terus menerus?
 - I. OCR
 - II. MICR
 - III. Pen cahaya
 - IV. VDT

(A) II sahaja
(B) II dan IV
(C) I, II dan IV
(D) Semua jawapan di atas
(E) Tiada jawapan yang diberi

3. Untuk melawat sesuatu laman Web, anda akan menaipkan alamat laman Web yang dikenali sebagai _____ .
 - (A) HTML
 - (B) URL
 - (C) HTTP
 - (D) WWW
 - (E) FTP

4. Manakah antara berikut merupakan sistem multimedia?
 - I. Buku elektronik
 - II. Sistem maklumat kiosk
 - III. Persembahan *desktop* multimedia
 - IV. CD-ROM

(A) II sahaja
(B) I dan IV
(C) II, III dan IV
(D) Semua jawapan di atas
(E) Tiada jawapan diberi

5. Satu gigabait (GB) adalah bersamaan dengan
- (A) 1 ribu juta bait
 - (B) 1 juta bait
 - (C) 1 juta MB
 - (D) 1 ribu juta MB
 - (E) Tiada jawapan diberi
6. Manakah antara berikut merupakan susunan masa capaian peranti storan dari yang terpanjang ke paling perlahan?
- (A) cakera keras, pita, CD-ROM, cakera liut, storan muatan sangat tinggi
 - (B) cakera keras, CD-ROM, cakera liut, pita, storan muatan sangat tinggi
 - (C) cakera keras, cakera liut, CD-ROM, pita, storan muatan sangat tinggi
 - (D) cakera keras, cakera liut, storan muatan sangat tinggi, CD-ROM, pita
 - (E) CD-ROM, cakera keras, cakera liut, pita, storan muatan sangat tinggi
7. Manakah antara berikut TIDAK berkaitan dengan pemprosesan berjujukan atau pemprosesan berkelompok?
- (A) Data dikumpul dalam kumpulan sebelum dihantar ke komputer
 - (B) Data dihantar untuk diproses serta-merta
 - (C) Fail urus niaga digunakan untuk mengemas kini fail induk
 - (D) Sangat berkesan apabila aktiviti pemprosesan tinggi
 - (E) Tiada jawapan diberi
8. Manakah antara kenyataan-kenyataan berikut adalah PALSU?
- I. Storan sekunder menyimpan data yang dimasukkan oleh pengguna dan telah diproses oleh CPU
 - II. Rangkaian komputer menyokong operasi pelaksanaan serentak atur cara aplikasi
 - III. Monitor LCD digunakan pada komputer bimbbit terdiri daripada dua kategori iaitu LCD *passive matrix* dan *active matrix*
 - IV. Dalam organisasi fail indeks, rekod disimpan dalam susunan berjujukan dan fail mempunyai indeks
- (A) II sahaja
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan diberi
9. Kelajuan pemprosesan oleh CPU boleh diukur dalam bentuk
- (A) Sebahagian saat
 - (B) MIPS
 - (C) MHz
 - (D) Flop
 - (E) Semua jawapan di atas

10. Nombor, huruf dan tanda seruan semuanya diwakili dalam bentuk _____ di dalam komputer.
- (A) transistor
 - (B) suis
 - (C) RAM
 - (D) nombor
 - (E) kod
11. Sistem pengkod _____ berupaya menyokong semua bentuk tulisan bahasa di dunia.
- (A) ANSI
 - (B) EDCDIC
 - (C) ASCII
 - (D) BINER
 - (E) UNICODE
12. _____ adalah merupakan kumpulan perbincangan melalui e-mel.
- (A) Listserv
 - (B) Newsgroup
 - (C) FTP
 - (D) Chat
 - (E) Usenet
13. Manakah antara kenyataan-kenyataan berikut adalah PALSU?
- I. Komputer yang dikategorikan berdasarkan kos, saiz, kepantasan (MIPS), muatan, senibina/rekabentuk dan bilangan pengguna
 - II. Sekumpulan 8 bait dirujuk sebagai satu bit
 - III. Pengenal Aksara Dakwat Magnetik (MICR) adalah termasuk dalam kategori am untuk pengimbas OCR
 - IV. Monitor biasanya dikategorikan berdasarkan kepada saiz, resolusi, keupayaan grafik, warna dan keupayaan memproses
- (A) II sahaja
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan diberi

14. Manakah antara kenyataan-kenyataan berikut adalah BENAR?
- I. Port selari (parallel port) adalah antara muka yang boleh digunakan untuk menghubungkan pencetak dengan komputer
 - II. Ketumpatan cakera adalah bilangan bit yang boleh disimpan dalam satu unit kawasan di atas permukaan cakera
 - III. Sistem pengoperasian Windows 98 adalah merupakan sistem pengoperasian berbilang tugas
 - IV. Sistem pengoperasian berbilang pemproses diperlukan oleh komputer yang mempunyai lebih daripada satu CPU
- (A) II sahaja
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan diberi
15. Sistem pengoperasian _____ digunakan untuk peranti komunikasi tanpa wayar (*wireless*) dan komputer kecil seperti komputer telapak tangan, komputer poket dan komputer rangkaian.
- (A) Windows NT
 - (B) Windows CE
 - (C) Windows 98
 - (D) DOS
 - (E) LINUX
16. Kitaran mesin pemrosesan data adalah terdiri daripada fungsi-fungsi berikut:
- (A) terima, simpan dan papar
 - (B) input, terjemah, proses dan output
 - (C) input, banding, kira dan output
 - (D) pengisihan, pemrosesan dan peringkasan
 - (E) input, proses dan output
17. Perisian yang diberikan percuma tetapi memerlukan pengguna membayar sedikit bayaran sekiranya ingin menggunakan perisian tersebut secara terus-menerus dinamakan perisian _____ .
- (A) freeware
 - (B) shareware
 - (C) tupperware
 - (D) public domain
 - (E) aplikasi

18. Manakah antara sistem pengoperasian berikut boleh dijadikan sistem pengoperasian komputer berjenis PC?
- I. Windows 2000
 - II. OS/2
 - III. Windows NT
 - IV. LINUX
- (A) II sahaja
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan diberi
19. Teknologi Maklumat (IT) adalah berkaitan dengan
- I. penggunaan pelbagai teknologi untuk mengumpul maklumat
 - II. penggunaan teknologi komputer terkini dalam bidang perniagaan untuk menukar data kepada maklumat
 - III. penggunaan teknologi komputer tekini dalam bidang komputer untuk memproses maklumat
 - IV. semua jenis operasi yang menggunakan komputer
- (A) II sahaja
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan diberi
20. Perkataan perisian bermaksud
- (A) satu set arahan yang difahami oleh komputer
 - (B) satu set arahan yang boleh diterjemahkan oleh komputer ke bahasa mesin
 - (C) satu disket yang mengandungi atur cara komputer
 - (D) satu aplikasi sistem maklumat
 - (E) satu set data yang telah diproses menjadi maklumat
21. Manakah antara pernyataan-pernyataan berikut adalah BENAR?
- I. Daftar adalah kawasan storan sementara untuk arahan atau data yang digunakan untuk mempercepatkan pemprosesan di bawah arahan unit kawalan pusat
 - II. VRAM menentukan saiz skrin komputer, kadar kepantasan imej dipaparkan dan bilangan warna digunakan
 - III. penggunaan teknologi komputer tekini dalam bidang komputer untuk memproses maklumat
 - IV. semua jenis operasi yang menggunakan komputer
- (A) II sahaja
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan diberi

22. Apakah peringkat yang paling susah untuk mentakrif keperluan maklumat?
- (A) Pengurusan
 - (B) Strategik
 - (C) Taktik
 - (D) Perancangan
 - (E) Pengoperasian
23. Pemprosesan yang melibatkan operasi pemindahan data secara terus dari tempat operasi ke komputer dikenali sebagai pemprosesan _____ .
- (A) berkelompok
 - (B) dalam talian
 - (C) terus
 - (D) secara talian
 - (E) masa sebenar
24. Apakah perkhidmatan Internet yang membenarkan anda memelog masuk (*logging in*) secara jauh ke rangkaian lain di Internet?
- (A) E-mel
 - (B) FTP
 - (C) Listserve
 - (D) Telnet
 - (E) Usenet
25. Apabila data dimasukkan secara dalam talian, maka
- (A) data boleh dicapai dan dimanipulasi oleh pemproses pada masa itu juga
 - (B) data dikumpulkan secara berkumpulan
 - (C) mod pemproses berkelompok digunakan
 - (D) data diproses untuk operasi apabila diminta
 - (E) storan utama menyimpan data semasa diproses
26. Manakah antara pernyataan-pernyataan berikut adalah PALSU?
- I. Pemacu CD-ROM berkelajuan 3X berupaya membaca data pada kadar 600KBps
 - II. Semasa pembacaan data pada cakera optik, pantulan pancaran laser pada permukaan berlubang diterjemah sebagai bit 1
 - III. Cakera RAID diperlukan bagi tujuan aplikasi yang memerlukan kadar penghantaran dan penyimpanan data yang tinggi
 - IV. Cakera DVD boleh menampung sehingga 9.4GB data
- (A) II sahaja
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan diberi

27. Manakah antara berikut merupakan protokol piawai yang diperlukan untuk menyambung sesebuah komputer ke laman Web?
- (A) Pine
 - (B) TCP/IP
 - (C) POP
 - (D) Tetingkap
 - (E) HTTP
28. _____ merupakan projek(-projek) utama (*7 flagships*) yang diberikan tumpuan untuk menjayakan projek Koridor Raya Multimedia (MSC).
- I. Universiti Multimedia
 - II. Teleperubatan
 - III. Kerajaan Bestari
 - IV. Kluster Penyelidikan dan Pembangunan
- (A) II sahaja
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan diberi
29. Tujuan utama MIS adalah
- (A) memproses data untuk dijadikan maklumat berguna
 - (B) memproses maklumat untuk menghasilkan data yang berguna
 - (C) menyediakan maklumat untuk tujuan membuat keputusan oleh pihak pengurusan
 - (D) menjadi pelapor kepada Pegawai Ketua Eksekutif (CEO)
 - (E) menjadi sumber maklumat syarikat
30. Manakah antara kenyataan-kenyataan berikut adalah BENAR?
- I. Menu, arca dan kotak dialog merupakan ciri-ciri cerdas dalam GUI
 - II. Komputer yang dihubungkan antara satu sama lain bagi membolehkan komputer berkomunikasi antara satu sama lain dikenali sebagai Rangkaian Kawasan Setempat (LAN)
 - III. Dalam Rangkaian Kawasan Setempat (LAN), komputer-komputer peribadi hanya dapat berkongsi perisian sahaja
 - IV. Kabel gentian optik boleh dijadikan sebagai kabel LAN
- (A) II sahaja
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan diberi

31. Manakah antara kenyataan-kenyataan berikut adalah PALSU?
- I. Internet adalah satu rangkaian kawasan luas (WAN) Jaring dan TMNet yang dibangunkan oleh MIMOS dan Telekom Malaysia
 - II. Telnet bukanlah pelayan maklumat
 - III. Veronica digunakan untuk mencari maklumat dalam Internet menggunakan kata kunci (*keyword*)
 - IV. *Newsgroup* dan *Usenet* merupakan kumpulan perbincangan melalui e-mel
- (A) II sahaja
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan diberi
32. Manakah antara berikut BUKAN merupakan perkhidmatan Internet?
- (A) E-mel
 - (B) FTP
 - (C) *Newsgroup*
 - (D) Telnet
 - (E) World-Wide Web (WWW)
33. Tugas pekerja berpengetahuan (*knowledge worker*) berkisar di sekitar
- (A) penggunaan, manipulasi dan penyebaran maklumat
 - (B) penggunaan dan penyimpanan maklumat
 - (C) pemprosesan data untuk dijadikan maklumat
 - (E) pengumpulan data untuk diproses menjadi maklumat
 - (E) penggunaan komputer
34. Manakah antara berikut merupakan bidang kerjaya dalam bidang Teknologi Maklumat (IT)?
- I. Jurutera Sistem
 - II. Artis Grafik
 - III. Juruanalisis Sistem
 - IV. Pereka Bentuk Pangkalan Data
- (A) II sahaja
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan diberi

35. Manakah antara kenyataan-kenyataan berikut adalah PALSU?
- I. Mengikut Akta Hak Cipta, adalah tidak menjadi kesalahan menyalin sesuatu perisian sebagai salinan pendua
 - II. Alat pemeriksaan keselamatan di lapangan terbang tidak mendatangkan sebarang kesan buruk terhadap komputer yang diperiksa
 - III. Kecederaan tekanan berterusan (RSI) adalah kesan buruk akibat penggunaan komputer terhadap kesihatan yang menyebabkan pengguna mengalami sakit kepala dan sakit belakang
 - IV. Perisian berjenis "*shareware*" boleh dikongsi dan disalin tanpa had
- (A) II sahaja
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan diberi
36. Konfigurasi sesebuah sistem komputer
- (A) menerangkan mengenai peranti komputer
 - (B) menerangkan mengenai jenis dan spesifikasi perkakasan komputer
 - (C) menerangkan mengenai jenis dan kategori perkakasan komputer
 - (D) menerangkan mengenai maklumat penting tentang komputer untuk pembeli
 - (E) menerangkan mengenai komponen dalaman perkakasan komputer
37. Atur cara yang menukarkan arahan-arahan bahasa peringkat tinggi kepada bahasa mesin adalah
- (A) Pengkompil
 - (B) Penghimpun
 - (C) Penterjemah
 - (D) Penukar
 - (E) Penjana
38. Fail capaian rawak biasanya disimpan di dalam
- I. CD-ROM
 - II. WORM
 - III. cakera RAID
 - IV. cakera
- (A) II sahaja
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan diberi

39. Manakah antara kenyataan berikut adalah PALSU berhubung topologi rangkaian bintang?
- I. Kerosakan hos akan memberi kesan terhadap komunikasi data rangkaian
 - II. Semua komputer berkomunikasi melalui hos
 - III. Kerosakan sesuatu nod tidak memberi kesan terhadap komunikasi data rangkaian
 - IV. Semua komputer mempunyai pangkalan data tersendiri dan tidak perlu menggunakan pangkalan data pada hos
- (A) II sahaja
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan diberi
40. Jenis ingatan yang membenarkan sebahagian daripada storan sekunder digunakan sebagai ingatan utama dikenali sebagai _____.
- (A) ingatan ROM
 - (B) ingatan SDRAM
 - (C) ingatan cache
 - (D) ingatan maya
 - (E) ingatan flash

BAHAGIAN B

Nyatakan sama ada kenyataan di bawah adalah **BENAR** atau **PALSU**. Hitamkan **A** bagi **BENAR** dan **B** bagi **PALSU**.

- 41. Pemprosesan berbilang proses (*multi-processing*) melibatkan penggunaan beberapa komputer untuk melakukan sesuatu kerja.
- 42. *Bridge* merupakan perkakasan komunikasi yang menghubungkan pelbagai sistem komunikasi untuk menghasilkan sistem terbuka luas enterprise (*enterprise-wide open system*).
- 43. Kelajuan pemprosesan data antara komputer yang menggunakan mikropemproses Pentium MMX – 300MHz adalah sama dengan komputer yang menggunakan mikropemproses Pentium II – 300MHz.
- 44. Sistem berkomputer terdiri daripada perkakasan, perisian, data, prosedur dan pengguna.
- 45. Ergonomik merujuk kepada kajian hubungan fizikal antara manusia dan perkakasan yang digunakan supaya penggunaan komputer selesa, selamat dan mudah digunakan.
- 46. ISDN adalah sistem penghantaran yang menggantikan semua sistem analog dan sesuai digunakan untuk penghantaran video secara langsung.

47. Proses memformat akan membahagi cakera kepada kawasan rekod but, jadual peruntukan fail (FAT), direktori akar dan kawasan data.
48. Dalam topologi rangkaian bintang, setiap peranti dihubungkan kepada satu unit pusat.
49. Penghadang (*firewall*) bertindak sebagai get laluan (*gateway*) yang membenarkan pengguna mencapai bahan Internet awam tetapi mereka tidak mendapat laluan capaian ke bahan Internet yang sulit.
50. Virus komputer adalah sejenis atur cara yang memindahkan dirinya sendiri daripada satu komputer kepada komputer yang lain melalui rangkaian dan akan menamakan dirinya sebagai satu fail berlainan dalam cakera komputer sasarannya.
51. INTRANET merupakan penggunaan teknologi Web dan Internet sebagai rangkaian dalaman tersendiri sesuatu organisasi.
52. Pemeriksaan bit pariti – memastikan pemindahan data adalah tepat dan lengkap.
53. Perisian Asas Input/Output (BIOS) tersiri daripada perisian arahan khusus sistem yang berfungsi untuk memuatkan arahan-arahan spesifik dari ROM ke RAM apabila komputer dihidupkan.
54. Bahasa penghimpun (*assembly language*) adalah bahasa pengaturcaraan komputer yang terendah.
55. Pepijat Alaf Baru (Y2K) adalah merupakan sejenis virus komputer yang bakal menyerang dan menjangkiti sistem-sistem komputer di seluruh dunia menjelang tahun 2000.
56. Ingatan "*cache*" boleh digunakan untuk meningkatkan ingatan utama dan boleh digunakan sebagai storan sekunder.
57. Bas data menghantar data yang telah diproses ke lokasi tertentu di RAM.
58. Kaedah merekod secara zon bertujuan untuk mengoptimum kadar kelajuan pembacaan data pada cakera.
59. Kadar muatan yang boleh dibawa oleh saluran komunikasi dinamakan lebar jalur (*bandwidth*).
60. Takrif automasi pejabat hanya merujuk kepada penggunaan komputer di pejabat.